




MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Suruhanjaya Tenaga (SST)** (bagi kerja elektrik sahaja). Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini juga **WAJIB** berdaftar dengan **Majlis Perbandaran Port Dickson**. Pendaftaran boleh dibuat di **Jabatan Kejuruteraan**. Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 3 bulan selepas tarikh tutup sebut harga.
2. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi menawarkan harga yang munasabah. Sekiranya memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut, boleh berhubung dengan Jabatan yang berkaitan (seperti dalam naskah sebut harga). **Borang Sebut Harga boleh diperoleh di Jabatan Perolehan, Blok A, MPPD**. Kontraktor **WAJIB** membawa dokumen-dokumen secara '*hard copy*' seperti yang dinyatakan pada perenggan 1 semasa proses pendaftaran dan pembelian naskah sebut harga. Sebarang dokumen dalam bentuk digital atau '*soft copy*' tidak akan diterima.
3. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN**. Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil ASAL yang ditandatangani oleh pemilik syarikat bagi pembelian dokumen. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN**.
4. Setiap dokumen sebut harga boleh dibeli di **Jabatan Perolehan, Blok A, MPPD** mulai 10 Jun 2025 (Selasa). Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan.

5. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga **sebelum atau pada 17 Jun 2025 (Selasa) jam 12.00 tengah hari** di **Jabatan Perolehan, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson**. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan. MPPD tidak akan menerima sebut harga yang lewat daripada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
6. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Walau bagaimanapun Majlis berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai.
7. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
8. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
9. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

Tandatangan :



Nama Pegawai :

HASNOR BIN ABD HAMID

Jawatan :

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

Tarikh :

31/6/2025

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan
S0083/25 RM50.00	CADANGAN PEMBINAAN WAKAF DI PANTAI TELOK KEMANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	<u>G1</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21
S0084/25 RM50.00	MENAIK TARAF BENTENG MALAM BANDAR PORT DICKSON SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21
S0085/25 RM50.00	MEMBAIK PULIH MEDAN SELERA BAGAN PINANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21
S0086/25 RM50.00	PEMASANGAN LAMPU JALAN SOLAR LED SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN BAGAN KURNIA FASA 2, PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI ME PENGKHUSUSAN E11
S0087/25 RM50.00	CADANGAN PEMASANGAN LAMPU HIASAN SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI BANDAR PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI ME PENGKHUSUSAN E11
S0088/25 RM50.00	KERJA-KERJA NAIK TARAF LANDSKAP DI PERSIMPANGAN SUA BETONG, PORT DICKSON SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE14
S0089/25 RM50.00	PENYELENGGARAAN POKOK AMENITI (POKOK TEDUHAN) SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PANTAI NELAYAN , PANTAI BAGAN PINANG DAN TAMAN KOMUNITI PORT DICKSON.	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE14
S0090/25 RM50.00	PROJEK PENGHIJAUAN PANTAI PORT DICKSON DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE14
S0092/25 RM150.00	CADANGAN PEMASANGAN LAMPU HIASAN DI BATU 4, PORT DICKSON SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	<u>G2</u> KATEGORI ME PENGKHUSUSAN E11
S0093/25 RM150.00	MENAIK TARAF MEDAN SELERA TAMAN INTAN PERDANA SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21
S0094/25 RM150.00	MEMBAIK PULIH MEDAN SELERA TANJUNG BIRU SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21

S0095/25 RM150.00	MEMBAIK PULIH MEDAN SELERA IKAN BAKAR D'JETI SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	G2 KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21
S0096/25 RM150.00	KERJA-KERJA NAIK TARAF LANDSKAP DAN ARCA DI SEMPADAN NEGERI DAN DAERAH PORT DICKSON SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	G2 KATEGORI ME & CE PENGKHUSUSAN E11 & CE14
S0098/25 RM150.00	BINA BAHARU ANJUNG SAUJANA DI BATU 4, PORT DICKSON SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	G2 KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21
S0097/25 RM50.00	MEMASANG LAMPU LIMPAH SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PADANG MERDEKA, MP PORT DICKSON	G3 KATEGORI ME PENGKHUSUSAN E11 (KONTRAKTOR NEGERI SEMBILAN SAHAJA)

Kaunter Jualan Sebut Harga Beroperasi Mengikut Ketetapan Seperti Berikut :-

Isnin hingga Khamis	-	8.30 pagi - 1.00 tengahari
	-	2.00 petang - 3.00 petang
Jumaat	-	8.30 pagi - 12.15 tengahari

***NOTA – Hanya Surat Kebenaran Khas yang diperolehi dari CIDB / PKK sahaja yang diterima dan diperakukan.**

Dokumen lain seperti resit bayaran atau surat permohonan ke CIDB / PKK tidak akan diterima.